

TEMA 1 KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1 A | 2 B | 3 A | 4 B | 5 A |
| 6 C | 7 C | 8 B | 9 A | 10 D |
| 11 B | 12 A | 13 A | 14 B | 15 B |

BAHAGIAN C

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan kebaikan menjaga penampilan diri.

Isi-isi Tersurat:

- 1 Membuka jalan kepada kejayaan seseorang.
- 2 Menarik perhatian seseorang dalam menawarkan pekerjaan.
- 3 Menampilkan imej dan keperibadian secara menyeluruh.
- 4 Dapat membantu seseorang itu untuk berinteraksi dengan bagus.
- 5 Mampu meningkatkan keyakinan diri ketika berhadapan dengan masyarakat.
- 6 Dapat membentuk daya disiplin dan nilai tanggungjawab terhadap diri seseorang.

Penutup:

Kesimpulannya, kita mestilah menjaga penampilan diri supaya kehidupan sentiasa ceria.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Antara etika batuk dan bersin ketika di tempat awam ialah kita perlu memakai penutup mulut dan hidung bagi mengelakkan kuman merebak. Walau bagaimanapun, kita perlu menutup hidung dan mulut dengan tisu ketika batuk dan terus buang tisu ke dalam bakul sampah. Apabila bersin, kita haruslah memalingkan muka daripada orang lain dan makanan serta elakkan menyentuh muka, hidung atau mulut kerana bahagian tersebut mudah dijangkiti. Perkara yang paling penting ialah jangan sesekali berkongsi sapu tangan atau tuala dengan orang lain. Akhir sekali, kita perlu elakkan pergi ke tempat sesak sekiranya bergejala atau tidak sihat.

BAHAGIAN B

Soalan 1

Pendahuluan:

Amalan kebersihan sangat penting dan perlu diamalkan setiap individu – terdapat beberapa amalan kebersihan yang boleh dipraktikkan

Isi-isi Penting:

- 1 Menunjukkan imej dan perwatakan menarik – penampilan diri kemas – lebih selesa untuk bergaul
- 2 Cuci tangan sebelum makan – sentuh perkara-perkara yang kotor – elak keracunan makanan
- 3 Membasuh makanan sebelum dimakan – sayur-sayuran dan buah-buahan dibasuh terdahulu – bersih dan selamat dimakan
- 4 Buang sampah ke dalam tong sampah – elak bau busuk dan dihindari lalat – suasana yang selesa dan bersih terutamanya di dapur

Penutup:

Amalan-amalan ini perlu dipraktikkan – Jadikan rutin harian – terhindar daripada pelbagai penyakit

Soalan 2

Pendahuluan:

Pada minggu yang lepas – pihak sekolah menganjurkan Kempen Semakin Hari Semakin Sihat

Isi-isi Penting:

- 1 Pemeriksaan kesihatan percuma – langkah awal perlu dilakukan – elak penyakit kronik
- 2 Pameran piramid makanan yang sihat – mengetahui kandungan sebenar – elak daripada obesiti.
- 3 Ceramah kesihatan – disampaikan oleh pegawai kesihatan daerah – banyak maklumat diperoleh
- 4 Pertandingan senamrobik kreatif – mengikut kelas – meriah dengan sorakan dan pemenang diberikan hadiah.

Penutup:

Majlis penutup dirasmikan oleh pengetua – sambutan yang meriah – para pemenang diberikan hadiah – banyak maklumat kesihatan dapat dijadikan panduan

Soalan 3

Pendahuluan:

Semoga sahabat dalam keadaan sihat sejahtera – terima kasih atas kiriman surat – ingin berkongsi berkaitan kelebihan mengamalkan kebersihan

Isi-isi Penting:

- 1 Menghidari penyakit dan masalah kesihatan.
- 2 Mendapatkan minda yang cerdas.
- 3 Akan disegani dan disantuni oleh rakan sekeliling.
- 4 Mewujudkan persekitaran yang bersih.

Penutup:

Semoga memberi manfaat – kebersihan perlu diutamakan bagi keselesaan – semoga dapat berkongsi lagi pada masa akan datang

TEMA 2 MENIMBA ILMU

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1 B | 2 A | 3 C | 4 B | 5 D |
| 6 C | 7 D | 8 A | 9 C | 10 C |
| 11 A | 12 C | 13 B | 14 D | |

BAHAGIAN B

- 1 (i) boleh – boleh
(ii) mendaklamasikan – mendeklamasikan
- 2 (i) sangat terbaik – terbaik/sangat baik
(ii) tiap – tiap-tiap/setiap
- 3 (i) Ayat penyata
(ii) Ayat tanya
(iii) Ayat seruan
(iv) Ayat perintah
- 4 (i) Usaha tangga kejayaan.
(ii) Genggam bara api biar sampai jadi arang.
- 5 Tiga Pengajaran dan peristiwa dalam novel

Jalan ke Puncak, karya Juri Durabi

- (a) Kita perlu memiliki sikap berani untuk mengubah nasib.
Contohnya, Laiman berani menjadi petani moden kerana berkeyakinan usahanya akan membuahkan kejayaan walaupun pada peringkat awal ditentang oleh ayahnya kerana menolak tawaran bekerja di Jabatan Pertanian.
- (b) Kita haruslah sanggup berdikari untuk memperoleh pendapatan yang lebih lumayan.
Contohnya, Laiman sanggup bekerja sendiri sebagai petani dengan mengusahakan

tanaman tembikai, menternak ikan air tawar, dan pelbagai lagi perniagaan walaupun dia boleh memilih bekerja makan gaji di Jabatan Pertanian.

- (c) Kita perlu bersyukur terhadap rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT.

Laiman bersyukur kerana projek ikan air tawar yang diusahakannya telah membuahkan hasil dan kerajaan menghargai usaha yang dijalankan dengan menjadikan sebagai projek contoh di daerah mereka.

Darah Titik di Semantan, karya Arman Sani

- (a) Kita hendaklah bekerjasama ketika melakukan sesuatu perkara dengan jayanya.
Contohnya Zahid, Samad, Rahman dan Awang Muhammad bersama-sama membina kubu di Teluk Sengarat.
- (b) Kita perlulah berani dalam menegakkan keadilan supaya kebenaran sentiasa terbukti.
Contohnya, Datuk Bahaman rela kehilangan gelaran Datuk yang diberikan oleh sultan kerana menentang Inggeris sehabis-habisan.
- (c) Kita mestilah mempunyai jiwa cinta akan negara agar sentiasa mensyukuri keamanan.
Contohnya, Datuk Bahaman membunuh 50 orang mata-mata Inggeris yang dibawa oleh Desborough yang tidak boleh diberi muka.

Meniti Impian, karya Osman Ayob

- (a) Kita mestilah gigih berusaha untuk mencapai cita-cita.
Zahar gigih berusaha untuk membuka bengkel perabot sendiri di kampungnya setelah tamat pengajian di IKM.
- (b) Kita jangan berputus asa dalam menghadapi kesusahan hidup.
Mak Kiah tabah membesarkan anaknya dengan hasil menorah getah, menganyam tikar selepas kematian suaminya.
- (c) Kita mestilah bertanggungjawab atas tugas yang telah diamanahkan.
Contohnya, Pak Yusuf berjaya menyiapkan rak kasut yang akan diletakkan di masjid kerana dia telah dipertanggungjawabkan oleh tok Imam.

Jejak Monpus, karya Zulaiha Paikon

- (a) Kita janganlah membuat tuduhan tanpa bukti

agar tidak berlaku permusuhan.

Buktinya, penduduk kampung telah dihasut oleh Ripin menuduh Zahar sebagai punca serangga ulat bulu di Kampung Maju Jaya.

- (b) Kita mestilah bertanggungjawab dalam mengatasi sesuatu masalah agar sentiasa dihargai.

Buktinya, Zahar begitu sabar mencari formula untuk menyelamatkan penduduk kampung daripada serangan ulat bulu sehingga terhasilnya MONPUS.

- (c) Kita mestilah saling sayang-menyayangi kepada insan yang banyak berjasa dalam hidup.

Buktinya, Zahar amat menyayangi ibunya Qistina yang telah mengasuh dan mendidiknya sejak dia ditinggalkan oleh ayahnya.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Adab belajar sangat penting kepada murid-murid. Antaranya kita perlu menghormati guru-guru dengan memberi salam ketika berjumpa. Apabila kita menjaga adab belajar ini, pastinya kita akan menjadi insan yang berguna suatu hari nanti. Bukan itu sahaja, kita perlu menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru tepat pada waktunya. Hal ini dikatakan demikian kerana dapat memudahkan guru untuk menyemak hasil kerja kita. Justeru dalam memastikan segala tugas yang diberikan oleh guru disiapkan tanpa bertangguh sama ada dengan cara berbincang bersama-sama rakan atau dengan apa cara pun. Oleh itu, setiap arahan yang diberikan oleh guru mestilah kita patuhi selagi tidak bercanggah dengan peraturan untuk kebaikan bersama.

TEMA 3 KERJAYA KE MERCU IMPIAN

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 B | 2 B | 3 A | 4 C | 5 C |
| 6 B | 7 A | 8 D | 9 B | 10 D |

KERTAS 2

BAHAGIAN B

Soalan 1

Pendahuluan:

Pada minggu yang lalu – menghadiri karnival kerjaya anjuran Unit Bimbingan dan Kaunseling – perasmian oleh tuan pengetua – pelbagai agensi terlibat

Isi-isi Penting:

- 1 Pelancaran minggu kerjaya – dirasmikan oleh pengetua – gimik perasmian yang menarik
- 2 Pameran sektor awam dan swasta – pasaran kerja pelbagai bidang seperti TVET – laluan kerjaya badan uniform keselamatan
- 3 Pelbagai pertandingan – penulisan resume menarik dan kuiz – pendedahan persediaan awal
- 4 Simulasi temu duga – cara menjawab soalan-soalan lisan – persiapan fizikal dan mental

Penutup:

Karnival kerjaya satu pendedahan awal kepada murid-murid – banyak manfaat diperolehi – murid-murid sangat gembira – pelbagai agensi kerajaan dan swasta datang – penyampaian hadiah dan majlis penutup – perkara yang menarik

Soalan 2

Pendahuluan:

Pekerja yang berkualiti sangat diidamkan oleh firma – untuk merencanakan sistem penyampaian – terdapat beberapa ciri pekerja idaman yang diimpikan oleh majikan

Isi-isi Penting:

- 1 Mempunyai ilmu pengetahuan – kelayakan akademik menjadi keutamaan – melahirkan tenaga kerja yang mahir
- 2 Mengamalkan gaya hidup sihat – melaksanakan aktiviti bersenam – menjaga pemakanan – tenaga manusia yang memerlukan berfikir – mudah selesaikan masalah
- 3 Kemahiran komunikasi yang cekap dan menguasai pelbagai bahasa – dapat menguruskan sumber manusia dengan baik – khidmat pelanggan yang sistematik – sekurang-kurangnya menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan baik.
- 4 Menepati masa – banyak urusan akan cepat disiapkan – tidak tangguh kerja – pengurusan masa yang sistematik

Penutup:

Ciri-ciri pekerja idaman yang perlu dicontohi – supaya menjadi rebutan majikan – tingkah laku yang baik turut mempengaruhi sistem penyampaian kepada pelanggan – seseorang akan disegani

Soalan 3

Pendahuluan:

Zaman kini peluang pekerjaan amat luas – kecelaruan untuk membuat pilihan kerjaya – pelbagai sektor telah menawarkan peluang pekerjaan – terdapat pelbagai cara dalam menentukan bidang kerjaya

Isi-isi Penting:

- 1 Menghadiri karnival kerjaya – tawaran kerja terkini dalam pelbagai sektor – dapatkan maklumat secara percuma
- 2 Mendapatkan khidmat Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah – berdasarkan keputusan peperiksaan – melihat kecenderungan dalam memilih kerjaya
- 3 Golongan remaja perlu melihat dan mengkaji faktor prospek kerjaya yang akan dipilih – menjamin kelangsungan hidup – gaji yang lumayan dan keseimbangan kos sara hidup, pengaruh dan sokongan daripada ibu, bapa dan ahli keluarga – memberi impak penentu kehidupan – sangat berperanan dalam berikan bimbingan – berdasarkan keupayaan dimiliki.

Penutup:

Terdapat pelbagai cara dalam menentukan bidang kerjaya – pelbagai pihak memainkan peranan masing-masing – semoga remaja kini merebut peluang yang ada – berdasarkan kemahiran dan kelayakan yang tinggi – ‘di mana ada kemahuan, di situ ada jalan’

TEMA 4 INTEGRITI AMALAN KITA

KERTAS 1

BAHAGIAN B

- 1 (i) ke 216 – ke-216
(ii) komuniti – komuniti
- 2 (i) sungguh penting – sungguh penting
(ii) lantang – lantang
(iii) boleh – dapat

- 3 (i) Dashwan dan rakan-rakannya mengikuti Kem Kepimpinan Kokurikulum di sekolah.
(ii) Pegawai polis itu sangat amanah dalam melaksanakan tugas setelah lima belas tahun berkhidmat.
(iii) Bantuan makanan itu untuk penduduk Taman Safura yang menjadi mangsa banjir.
- 4 (i) Kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya.
(ii) Masa itu emas.
- 5 Tiga latar masyarakat beserta contoh peristiwa
Jalan ke Puncak, karya Juri Durabi
(a) Masyarakat yang bekerja kuat. Contohnya, Laiman dan Milan bekerja keras supaya segala projek diusahakan oleh mereka mencapai kejayaan sebaiknya.
(b) Masyarakat yang bijak mengendalikan perniagaan. Contohnya Laiman merupakan golongan muda yang menjalankan perniagaan sehingga berjaya dan menjadi contoh kepada anak-anak muda lain di kampungnya.
(c) Masyarakat yang berpendidikan tinggi. Contohnya, Laiman dan Soniah merupakan mahasiswa yang mengambil jurusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan.

Darah Titik di Semantan, karya Arman Sani

- (a) Masyarakat yang sanggup berkorban demi negara. Contohnya, Datuk Bahaman yang telah meninggalkan Semantan berpatah balik apabila mengetahui Inggeris telah melakukan keganasan di kawasan kampung.
- (b) Masyarakat yang menjadi pembelot demi kepentingan peribadi. Contohnya, terdapat beberapa orang Melayu menjadi pembelot dan memberi kerjasama dengan Inggeris untuk mendapatkan wang.
- (c) Masyarakat yang bekerjasama dalam sesuatu perkara. Buktinya, Zahid, Samad, Rahman dan Awang Muhammad saling menolong membina kubu di Lubuk Sengarat.

Meniti Impian, karya Osman Ayob

- (a) Masyarakat yang menjalankan kegiatan perniagaan. Buktinya, Pak Yusof mempunyai perniagaan pertukangan perabot dan Tauke Lim menjalankan perniagaan basikal.

- (b) Masyarakat yang bersungguh-sungguh dalam mencapai kejayaan. Zahar telah melanjutkan pelajaran ke IKM dan berjaya membuka Bengkel Perabot Meniti Impian miliknya.
- (c) Masyarakat yang serba kekurangan untuk membina masa hadapan. Buktinya Zahar terpaksa melupakan hasratnya untuk menyambung pelajaran di sekolah swasta kerana ibunya tidak berkemampuan.

Jejak Monpus, karya Zulaiha Paikon

- (a) Masyarakat yang terdiri daripada golongan memberi dan mendapatkan pendidikan. Contohnya, Qistina mengajar di Sekolah Menengah Sri Yasin. Faridah juga belajar di sekolah yang sama.
- (b) Masyarakat yang mementingkan ilmu pengetahuan. Buktinya Zahar sering melakukan eksperimen demi kepentingan rakyat dan akhirnya berjaya mencipta formula MONPUS, iaitu racun yang dapat menghapuskan serangga ulat bulu.
- (c) Masyarakat yang suka berdendam. Buktinya, Ripin berdendam dengan Zahar dan sentiasa mencari jalan untuk membuat provokasi dan khianat kepada Zahar.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Orang Kurang Upaya (OKU) perlu diberikan perhatian sewajarnya. Antara cara untuk membantu golongan ini ialah pihak kerajaan dan swasta perlu memberikan latihan dan kemahiran untuk mereka menjalani kelangsungan hidup. Bukan itu sahaja, peluang pendidikan dan pekerjaan juga perlu disediakan sebaiknya agar mereka seiring membina keyakinan diri. Selain itu, masyarakat perlu menyayangi insan istimewa ini apabila mereka memerlukan pertolongan seperti sukar untuk melintas jalan. Justeru, pihak kerajaan bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan asas kepada mereka dan masyarakat mestilah menghormati kemudahan yang disediakan seperti tempat letak kereta, tandas awam OKU dan sebagainya.

TEMA 5 BAHASA DAN SASTERA

KERTAS 1

BAHAGIAN A

1 A	2 C	3 C	4 A	5 B
6 D	7 B	8 C	9 A	10 D
11 A	12 C	13 A	14 D	15 B

BAHAGIAN C

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan manfaat-manfaat penggunaan sastera maya atau e-sastera.

Isi-isi Tersurat:

- 1 Dapat menarik minat pembaca untuk membaca karya sastera yang dikatakan sukar difahami.
- 2 Penulis mapan dan komuniti sasterawan dapat kita kenali walaupun tidak dapat dilihat secara fizikal.
- 3 Dapat memudahkan pembaca untuk capai bahan bacaan melalui Internet.
- 4 Para pembaca bebas menyatakan kritikan yang membina atau pujian kepada pengkarya.
- 5 Golongan muda untuk dijadikan hobi agar dapat berkarya dan memuat naik karya mereka di ruang maya.
- 6 Sastera maya mampu mendekatkan orang ramai kepada karya-karya sastera seiring dengan perkembangan dunia teknologi kini.

Penutup:

Kesimpulannya, kita mestilah menjadikan sastera maya sebagai bahan bacaan digital supaya masyarakat dapat memanfaatkan dengan sebaiknya.

KERTAS 2

BAHAGIAN B

Soalan 1

Pendahuluan:

Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu tahun lepas – bertempat di Dewan Tuanku Canselor, UPSI – dirasmikan oleh Menteri Pendidikan – berlangsung dalam suasana yang sangat meriah

Isi-isi Penting:

- 1 Pertandingan melibatkan tiga kategori – Alam Melayu, Pelajar Antarabangsa di Malaysia, Antarabangsa – diadili oleh barisan juri yang hebat

- 2 Peserta antarabangsa dari pelbagai negara – sangat fasih berbahasa Melayu – yakin dengan pengucapan mereka
- 3 Peserta Alam Melayu juga tidak kurang hebatnya – peserta dari UIAM paling menonjol – ramai peserta-peserta yang berbakat
- 4 Peserta Antarabangsa di Malaysia juga tidak terkecuali – pandai mengambil hati penonton dan juri – penyampaian dengan penuh penghayatan

Penutup:

Satu pengalaman yang sangat bermakna
 – memberi pendedahan yang berguna
 – membantu meningkatkan kemahiran pengucapan awam

Soalan 2

Pendahuluan:

Bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa lingua franca pada zaman dahulu – sangat popular di rantau Nusantara – terdapat pelbagai langkah untuk memartabatkan bahasa Melayu

Isi-isi Penting:

- 1 Memperkasa Dewan Bahasa dan Pustaka – membina dan memperkaya bahasa Melayu dalam semua bidang – melaksanakan pelbagai aktiviti berkaitan bahasa
- 2 Urusan rasmi negara menggunakan bahasa Melayu – setiap jabatan kerajaan, agensi, pihak berkuasa memainkan peranan penting – mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu dalam semua urusan
- 3 Menguatkuasakan penggunaan bahasa Melayu dalam penyiaran dan pengiklanan – masyarakat dahulu disajikan dengan bait-bait syair dan sajak – melahirkan semangat cinta akan bahasa dan negara – mempunyai nilai sentimental yang tersendiri
- 4 Menganjurkan program berimpak tinggi – menarik minat semua pihak untuk belajar bahasa Melayu – penganjuran program Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu sangat mencuri tumpuan – penglibatan ramai peserta termasuklah peserta antarabangsa

Penutup:

Pelbagai langkah boleh digarap – meningkatkan darjat bahasa Melayu di persada dunia – yang kurik itu kendi, yang merah itu saga, yang baik itu budi, yang indah itu bahasa

Soalan 3

Pendahuluan:

Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar pendidikan – bertindak sebagai bahasa ilmu – pelbagai kepentingan memperkasakan bahasa Melayu

Isi-isi Penting:

- 1 Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan – bahasa perhubungan bagi semua kaum di Malaysia – Malaysia terkenal dengan budi bahasa yang tinggi
- 2 Bahasa Melayu sebagai identiti negara bangsa – menunjukkan jati diri dan maruah rakyat – kebanyakan masyarakat lebih taksab kepada bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu
- 3 Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu – peranan sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan – bahasa yang cemerlang dalam pembinaan negara bangsa
- 4 Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi – menarik minat pelancong asing ke negara kita – wujudnya pelbagai pusat bahasa di luar negara – penganjuran program Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu – belajar sambil menyelami budaya

Penutup:

Wajar berbangga dengan bahasa Melayu – lambang jati diri masyarakat Malaysia – semua lapisan masyarakat mengamalkan penggunaan bahasa Melayu seperti negara Jepun.

TEMA 6

TELADANI SEJARAH HARGAI WARISAN

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 C | 2 A | 3 A | 4 B | 5 C |
| 6 D | 7 D | 8 B | 9 C | 10 A |

BAHAGIAN C

Ringkasan: Kepentingan memelihara warisan negara

Isi-isi Tersurat:

- 1 Menjadi daya tarikan pelancong sama ada pelancong domestik mahupun antarabangsa.
- 2 Memupuk semangat patriotik dalam jiwa generasi pada masa ini.
- 3 Mengenang sejarah penting yang berlaku di negara kita.

- 4 Nilai seni dan estetika pada khazanah warisan kebangsaan berupaya dikekalkan.
- 5 Mampu mengembalikan nostalgia yang sungguh bermakna kepada negara.
- 6 Dapat mempertingkatkan imej dan identiti negara di persada dunia.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Kota A Famosa telah terkenal dengan panggilan ‘Yang Termasyhur’ dan dikenali sebagai A Famosa dalam bahasa Portugis. Kota ini telah dibina oleh orang Portugis yang berjaya menawan Melaka pada tahun 1511. Kota ini terletak di Bandar Hilir, Melaka yang mana dahulunya telah dijadikan sebagai kubu pertahanan Melaka. Kota ini telah mengambil masa selama 5 bulan untuk dibina dengan menggunakan buruh paksa yang diarahkan oleh pihak Portugis. Kota ini juga telah dilengkapi dengan empat menara dan dilindungi tujuh puluh meriam di sekelilingnya. Kota ini juga menunjukkan bahawa meskipun sudah lama dan diubah suai semula, namun keunikan seni binanya dapat dikekalkan sehingga ke hari ini.

TEMA 7 INDAH SENI GAH BUDAYA

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 A | 2 B | 3 C | 4 C | 5 A |
| 6 A | 7 C | 8 C | 9 D | 10 A |

BAHAGIAN C

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan halangan perkembangan industri batik di Malaysia.

Isi-isi Tersurat:

- 1 Proses globalisasi menyebabkan industri batik semakin lesu.
- 2 Industri batik tidak dipromosikan atau diperkenalkan kepada masyarakat secara meluas di media massa.
- 3 Penguasaha tempatan menghadapi beberapa kelemahan untuk berdepan dengan pasaran eksport.
- 4 Teknik sistem pengeluaran yang tradisional menyebabkan kuantiti pengeluaran terhad pada skala yang kecil.

- 5 Kualiti batik pula tidak konsisten.
- 6 Corak serta motif hanya berorientasikan permintaan tempatan atau bersifat klasik.

Penutup:

Kesimpulannya, semua pihak mestilah bekerjasama dalam memastikan industri batik tempatan berkembang agar memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Kraf tangan merupakan satu cabang seni yang sangat unik dan mempunyai nilainya yang tersendiri. Antara usaha untuk memajukan industri kraf tangan di negara kita ialah pihak kerajaan perlulah mengadakan kursus dan latihan kepada pengusahan kraf tangan ini dengan memberi latihan secukupnya. Tambahan pula, pihak kerajaan perlu mempromosikan produk ini melalui kempen-kempen, pakej-pakej pelancongan di Malaysia. Seterusnya, pengusaha-pengusaha kraf tangan hendaklah mempertingkatkan kualiti dan kreativiti mereka dalam menghasilkan sesuatu produk supaya dapat mendimensikan kraf tangan dengan lebih menarik. Semua ini akan berhasil dan lebih rancak sekiranya pihak kerajaan berperanan penting dalam memberi suntikan modal kepada industri kraf tangan ini.

TEMA 8 UTAMAKAN KESELAMATAN

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 B | 2 A | 3 A | 4 B | 5 B |
| 6 D | 7 B | 8 C | 9 C | 10 D |

BAHAGIAN C

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan faktor-faktor berlakunya kemalangan jalan raya di Malaysia

Isi-isi Tersurat:

- 1 Kecuaian manusia itu sendiri.
- 2 Sikap yang terlalu memandang ringan isu keselamatan diri.
- 3 Keganasan atau samseng jalan raya.
- 4 Sikap pemandu yang memandu secara terburu-buru dan mempunyai sikap ingin menunjuk-nunjuk kehebatan.

- 5 Masalah teknikal seperti kerosakan jalan raya.
- 6 Perlumbaan haram yang kini berleluasa.
- 7 Faktor bencana alam seperti tanah runtuh.
- 8 Kewujudan papan-papan iklan digital di bahu-bahu jalan.

Penutup:

Kesimpulannya, semua pihak mestilah berganding bahu dalam memastikan kadar kemalangan jalan raya setiap tahun dapat dikurangkan.

KERTAS 2

BAHAGIAN B

Soalan 1

Pendahuluan:

Kes kemalangan jalan raya semakin meningkat – banyak mengorbankan nyawa – kecuaian pemandu dan tidak berhemah – pelbagai cara untuk mengatasi masalah kemalangan

Isi-isi Penting

- 1 Membuat pemeriksaan kenderaan – bertanggungjawab memastikan kenderaan kita sentiasa dalam keadaan baik – mengurangkan kemalangan jalan raya
- 2 Mematuhi peraturan jalan raya – memastikan setiap pemandu sentiasa berhemah – berpunca daripada kecuaian pemandu – mengurangkan risiko kemalangan jalan raya
- 3 Mengenakan kompaun yang setimpal – menguatkuasakan sistem demerit dengan lebih ketat – disaman lebih tiga kali, lesen memandu akan ditarik balik
- 4 Memastikan jalan raya diselenggara dengan baik – membantu pengguna jalan raya menikmati pemanduan yang selesa dan selamat – jalan-jalan yang berlubang dan jalan tidak rata – menyumbang kepada pengurangan risiko terhadap kemalangan

Penutup:

Pelbagai cara boleh dilakukan untuk menangani kes kemalangan jalan raya – semua pihak memainkan peranan penting dalam mengurangkan kes ini – melahirkan masyarakat yang berhemah tinggi dan mematuhi peraturan

Soalan 2

Pendahuluan:

Lawatan ke Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) – diadakan pada minggu lepas – penglibatan seramai 20 orang murid bersama tiga orang

guru pengiring – bermula pada pukul 9 pagi – perjalanan mengambil masa lebih kurang 15 minit

Isi-isi Penting

- 1 Lawatan bertujuan untuk memperkenalkan tentang bomba – memberi pendedahan tentang skop tugas bomba – mengetahui tentang bomba, pakaian dan kenderaan serta merasai pengalaman sendiri
- 2 Setiap peserta berpeluang untuk bergaul dan mendekati petugas-petugas bomba – melihat beberapa demonstrasi memadam kebakaran
- 3 Melihat demonstrasi kerja-kerja menyelamatkan – peluang merasai sendiri pengalaman memadam kebakaran – meningkatkan tahap keberanian individu
- 4 Berpeluang menaiki aset-aset bomba – melihat cara kerja bomba dengan lebih dekat – sesi bergambar

Penutup:

Terima kasih kepada pihak bomba – sudi memberi penerangan tentang bomba, memberi peluang dan pengalaman – dapat memberi inspirasi kepada murid-murid

Soalan 3

Pendahuluan:

Berita kemalangan jalan raya semakin meningkat – membuka mata pelbagai pihak terhadap kes ini – terdapat pelbagai kepentingan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR)

Isi-isi Penting:

- 1 Memahami papan tanda sepanjang jalan raya – dapat memastikan ibu bapa atau pemandu patuh pada arahan – mendidik tentang keselamatan jalan raya adalah penting
- 2 Melahirkan pengguna jalan raya yang berhemah – kanak-kanak merupakan generasi masa hadapan yang akan memajukan negara – mereka akan menjadi pemandu yang berhemah selepas memperoleh lesen memandu – pendidikan ini penting untuk melahirkan pemandu yang berhemah
- 3 Mengurangkan kadar kemalangan jalan raya – mengelakkan kemalangan dengan pemanduan yang cermat dan selamat – sentiasa memakai tali pinggang keselamatan atau topi keledar – mematuhi peraturan jalan raya
- 4 Mengetahui peraturan-peraturan jalan raya

- akan memerhati dan menasihati pemandu lain atau keluarga sendiri – pendidikan ini sangat penting dalam melahirkan masyarakat yang peka terhadap peraturan jalan raya

Penutup:

Terdapat pelbagai kepentingan daripada PKJR – bukan untuk kanak-kanak sahaja, malah turut melibatkan semua lapisan masyarakat – pihak berkuasa meningkatkan kempen kesedaran kepada masyarakat – melahirkan masyarakat yang berhemah dalam pemanduan

TEMA 9 SUKAN DAN REKREASI

KERTAS 1

BAHAGIAN B

- (i) sehat – sihat
(ii) perkarangan – pekarangan
- (i) meningkat – meningkatkan
(ii) Galakkan – Galakan
(iii) mengelecek – menggelecek
- (i) Subjek: Catur
Predikat: merupakan permainan minda yang diperkenalkan oleh orang Arab ke benua Eropah.
(ii) Subjek: Pasukan JDT
Predikat: telah menewaskan pasukan Terengganu FC pada perlawanan akhir Piala Sumbangsih 2023.
- (i) Bagai aur dengan tebing.
(ii) Muafakat membawa berkat.
- (a) Berdasarkan Bahan 2, maksud yang ingin disampaikan oleh penulis dalam rangkap kedua pantun ini ialah ketakutan anak-anak sewaktu ketiadaan ibu akan hilang apabila melihat ibu pulang ke rumah.
(b) Berdasarkan Bahan 1, pengajaran yang diperolehi ialah kita haruslah menghargai kasih sayang yang dibina agar lahir keluarga bahagia. Contohnya, ibu bapa memberi layanan kepada ahli keluarga dengan penuh kasih sayang, manakala berdasarkan Bahan 2, kita mestilah menghormati ibu bapa kerana merekalah yang telah mendidik kita dari kecil hingga dewasa. Contohnya ibu bapa memberikan didikan agama yang secukupnya.
(c) Pada pendapat saya cara-cara untuk mewujudkan sebuah keluarga yang

bahagia ialah

P1 – Kita perlu berbicang sekiranya ada masalah untuk mencari penyelesaian yang terbaik.

P2 – Kita perlu meluangkan masa dengan keluarga seperti beriadah bersama-sama supaya hubungan kekeluargaan lebih erat.

P3 – Kita mestilah menghargai jasa dan pengorbanan keluarga kerana merekalah tulang belakang ketika kita susah mahupun senang.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Aktiviti bersukan merupakan sesuatu aktiviti yang menjadi pilihan bagi seseorang untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat. Faedah aktiviti bersukan yang paling utama ialah kita dapat menyihatkan tubuh badan kerana bersukan membolehkan badan kita mengeluarkan toksik dan membakar lemak di dalam tubuh badan. Selain itu, aktiviti bersukan juga dapat meningkatkan stamina diri menyebabkan kita akan lebih cergas dan sentiasa bertenaga pada setiap masa. Bukan itu sahaja, aktiviti bersukan dapat membantu mengawal berat badan secara tidak langsung dapat mengatasi masalah obesiti. Akhir sekali, aktiviti bersukan dapat menenangkan fikiran jika dilakukan bersama kawan-kawan pada waktu lapang.

TEMA 10 SELAMAT DATANG KE MALAYSIA

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- 1 B 2 C 3 B 4 D 5 D
6 C

BAHAGIAN C

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan keistimewaan Malaysia menjadi tarikan pelancong.

Isi-isi Tersurat:

- Malaysia mempunyai banyak tempat yang menarik untuk dikunjungi.
- Keadaan geografi Malaysia yang unik dalam kedudukan iklim panas dan lembap sepanjang tahun.

- 3 Malaysia mempunyai kepelbagaian kaum yang aman dan sentosa.
- 4 Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang mementingkan perpaduan kaum.
- 5 Keistimewaan Malaysia tiada tandingan dari segi budaya warisan yang dimiliki oleh setiap negeri.
- 6 Keunikan dan kepelbagaian menu makanan.

Penutup:

Kesimpulannya, pihak kerajaan memainkan peranan penting dalam mengekalkan keistimewaan Malaysia sebagai tarikan pelancong agar sektor pelancongan negara dapat berkembang baik.

KERTAS 2

BAHAGIAN B

Soalan 1

Pendahuluan:

Malaysia semakin menjadi pilihan – terdapat pelbagai langkah untuk meningkatkan sektor pelancongan

Isi-isi Penting:

- 1 Pihak kerajaan menyediakan kelengkapan kemudahan awam – seperti pengangkutan dan perhubungan – meningkatkan jumlah pelancong asing ke dalam negara
- 2 Meningkatkan tahap keselamatan negara – jenayah seperti penculikan, ragut dan rompakan – meningkatkan pertambahan bilangan anggota keselamatan
- 3 Menganjurkan program berperingkat antarabangsa – walaupun memerlukan kos yang tinggi, namun pulangan hasilnya adalah berbaloi – seperti kejohanan Formula 1 di Litar Antarabangsa Sepang, Le Tour de Langkawi dan Pameran Maritim dan Udara Langkawi (LIMA)
- 4 Mengadakan kempen melalui media sosial – mempromosikan keunikan sektor pelancongan – penghasilan iklan atau kandungan digital

Penutup:

Terdapat pelbagai langkah untuk meningkatkan sektor pelancongan – mempunyai banyak daya tarikan – semua pihak dapat memainkan peranan penting

Soalan 2

Pendahuluan:

Sekolah telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Terengganu – kaya dengan pelbagai keindahan alam – terdapat banyak aktiviti yang telah dijalankan

Isi-isi Penting:

- 1 Membuat lawatan ke muzium negeri Terengganu – muzium yang paling besar dalam negara – banyak menyimpan dan mengumpulkan artifak-artifak bersejarah
- 2 Pulau Redang merupakan sebuah pulau yang sangat cantik – banyak lokasi yang boleh dikunjungi – pusat pemeliharaan penyu – taman laut
- 3 Jambatan Angkat Terengganu antara tarikan terbaharu – keunikan jambatan angkat pertama di rantau ini – berada di muara sungai Terengganu
- 4 Pasar Payang tempat yang sangat popular – terdapat banyak gerai makan dan cenderamata – boleh didapati dengan harga yang berpatutan

Penutup:

Terdapat banyak tempat yang boleh dikunjungi – suatu pengalaman yang sangat menarik – dapat datang lagi suatu hari nanti

Soalan 3

Pendahuluan:

Malaysia mempunyai banyak tempat menarik untuk dikunjungi – telah pergi melancong ke tempat-tempat menarik – pelbagai faedah dapat diperoleh

Isi-isi Penting:

- 1 Menyumbang kepada peningkatan ekonomi tempatan – kemasukan pelancong dalam dan luar negara – menyemarakkan lagi sektor pelancongan di negara ini
- 2 Dapat mengenali budaya dan warisan – terdiri daripada masyarakat yang majmuk – menghargai perbezaan yang diraikan bersama
- 3 Menjimatkan masa dan kos – tidak perlu ke luar negara untuk melancong – setiap tempat mempunyai daya tarikan yang tersendiri
- 4 Memudahkan urusan komunikasi – berkomunikasi dengan orang tempatan – memudahkan urusan untuk meminta bantuan – komunikasi adalah sangat penting dalam sesuatu urusan

Penutup:

Pelbagai faedah yang diperoleh – negara kita mempunyai banyak kelebihan berbanding negara lain – pihak bertanggungjawab memainkan peranan penting dalam mempromosikan pelancongan dalam negara

TEMA 11 PERPADUAN

KERTAS 1

BAHAGIAN A

1 D 2 C 3 A 4 C 5 B

BAHAGIAN B

- 1 (i) kreatif – kreatif
(ii) menarek – menarik
- 2 (i) di – dalam
(ii) dari – daripada
(iii) dengan – sebagai
- 3 (i) Ahmad sekeluarga akan ke Kuala Lumpur hujung minggu ini.
(ii) Askar Melayu yang menentang komunis sungguh hebat dahulu.
(iii) Bunga raya itu sungguh cantik dan berbau harum.
- 4 (i) Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.
(ii) Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
- 5 (a) Berdasarkan Bahan 2, tema bagi sajak ini ialah sekalung penghargaan terhadap negara atas kedamaian dan kesejahteraan yang dikecapi.
Berdasarkan Bahan 1, keamanan negara amat penting, bagi mengelak berlakunya perpecahan masyarakat terutama bagi negara maju.
(b) Dua persoalan tersebut ialah, persoalan kasih sayang dalam mencapai kedamaian. Contohnya, rakyat Malaysia perlu saling berkasih-sayang antara satu sama lain. Persoalan kedua ialah, persoalan mempertahankan kemerdekaan negara untuk generasi akan datang. Contohnya, generasi muda perlu mewarisi dan mempertahankan kemerdekaan yang telah dikecapi ini.
(c) Kita perlu mengekalkan keamanan negara yang sedia ada dengan cara
P1 : Kita perlu menghayati lima prinsip rukun negara untuk memupuk

semangat perpaduan kaum.

P2 : Pihak kerajaan perlu menjalinkan hubungan erat dengan negara jiran supaya negara menikmati keamanan yang tinggi.

P3 : Media massa perlu menyiarkan kempen berkaitan kebaikan amalan bertoleransi antara kaum bagi mengekalkan keamanan negara.

(Lain-lain jawapan munasabah diterima)

6 Tiga persoalan beserta contoh

Jalan ke Puncak, karya Juri Durabi

- (a) Persoalan tentang pengorbanan demi keluarga. Contohnya, nenek Laiman sanggup mengeluarkan wang simpanannya dan abang Laiman masih belum berkahwin demi ingin melihat Laiman dapat menyambung pengajiannya.
- (b) Persoalan kepentingan pelajaran dalam kehidupan. Contohnya, Laiman berjaya menamatkan pengajiannya dalam kejuruteraan, walaupun akhirnya dia tidak menjadi jurutera tetapi tetap mencintai ilmu tersebut.
- (c) Persoalan kegigihan anak muda dalam mengusahakan sesuatu perkerjaan. Contohnya, Laiman dan Milan gigih mengusahakan pertanian dan penternakan yang diusahakan oleh mereka.

Darah Titik di Semantan, karya Arman Sani

- (a) Persoalan kepemimpinan dalam perjuangan. Buktinya Datuk Bahaman memperlihatkan sifat kepemimpinan yang baik ketika memimpin orang-orang kampung menentang Inggeris.
- (b) Persoalan semangat kerjasama dalam memperjuangkan hak mereka. Buktinya, Datuk Bahaman mendapat kerjasama yang padu daripada orang-orangnya, Datuk Panglima Raja, Imam Perang Weh dan Tuk Selampit.
- (c) Persoalan perjuangan kaum wanita dalam memberikan sumbangan. Buktinya Cik Bah iaitu isteri Datuk Bahaman menyediakan makanan untuk pejuang-pejuang Semantan.

Meniti Impian, karya Osman Ayob

- (a) Persoalan rela berkorban demi keluarga. Buktinya, Zahar rela mengorbankan hasratnya untuk meneruskan pelajaran di sekolah swasta kerana memikirkan keadaan

ibunya yang tidak mampu membiayai persekolahannya.

- (b) Persoalan ketabahan menghadapi kesusahan hidup. Buktinya Zahar tabah menghadapi kesusahan hidup selepas ayahnya meninggal dunia. Zahar membantu ibunya menetak pokok mengkuang untuk dibuat tikar.
- (c) Persoalan usaha membawa kejayaan. Buktinya, berkat usaha gigih menjalani kursus Pertukangan Perabot di IKM, Zakar akhirnya berjaya membuka sebuah bengkel perabot di kampungnya.

Jejak Monpus, karya Zulaiha Paikon

- (a) Persoalan hubungan kasih sayang dalam keluarga. Buktinya, Zahar amat menyayangi ibunya dan akhirnya dia berjaya menyatukan kembali ayah dan ibunya yang telah terpisah sejak sekian lama.
- (b) Persoalan kepercayaan terhadap takdir. Buktinya, Zahar menganggap usahanya untuk menghasilkan penawar kepada ulat bulu sebagai takdir Allah untuk menemukannya kembali dengan ayahnya.
- (c) Persoalan ketabahan dan keberanian untuk berjaya. Buktinya, Zahar tabah dan berani mencari formula walaupun terpaksa meredah hutan dan pulau yang berbahaya.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada kaum yang berbilang bangsa. Usaha yang paling utama dalam memupuk perpaduan antara kaum adalah dengan menerapkan nilai-nilai budaya dan warisan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, usaha lain adalah melalui penganjuran majlis rumah terbuka perdana yang dihadiri pelbagai kaum. Usaha yang seterusnya adalah dengan menghormati adat dan budaya kaum lain kerana setiap kaum di Malaysia mengamalkan agama dan kepercayaan yang berbeza-beza. Akhir sekali, perpaduan dalam kalangan masyarakat boleh dipupuk melalui kempen perpaduan melalui saluran media elektronik penting untuk menyebarkan maklumat dan infografik tentang perpaduan kaum.

TEMA 12 NEGARAKU JATI DIRIKU

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- 1 D 2 A 3 C 4 D 5 D
6 C 7 B 8 D 9 B 10 C
11 A

BAHAGIAN C

Ringkasan: Usaha-usaha yang dilakukan oleh Perdana Menteri untuk membangunkan negara

Isi-isi Tersurat:

- 1 Memerangi musuh nombor satu negara iaitu rasuah dan dadah.
- 2 Meningkatkan sektor pertanian dan taraf hidup golongan petani, nelayan dan penternak.
- 3 Untuk memerangi pelbagai gejala sosial dalam masyarakat.
- 4 Kempen antimerokok dan menangani kehadiran pendatang asing secara haram di negara kita.
- 5 Beliau juga bekerja keras tidak mengira masa dan tempat.
- 6 Mengajak rakyat bersama-samanya untuk membangunkan dan memajukan negara.
- 7 Memperkenalkan slogan “Cemerlang, Gemilang dan Terbilang” dalam kerajaan pimpinannya.
- 8 Beliau mahu sektor awam mempercepat proses kerja dan meningkatkan kualiti kerja.

KERTAS 2

BAHAGIAN B

Soalan 1

Pendahuluan:

Malaysia sebuah negara majmuk – pelbagai masyarakat yang berbilang bangsa – pelbagai usaha untuk memupuk semangat perpaduan

Isi-isi Penting:

- 1 Memupuk amalan berbudi bahasa – pelbagai lapisan masyarakat – saling membantu sesama mereka
- 2 Penganjuran rumah terbuka – pelbagai budaya dan sambutan perayaan – meraikan perbezaan yang wujud antara satu sama lain
- 3 Meningkatkan semangat patriotisme – menyemai sifat cintakan negara – dapat

mempertahankan negara tanpa mengira kaum, bangsa dan agama

- 4 Peranan media massa – mewujudkan iklan atau kandungan digital berkaitan perpaduan – menyebarkan mesej positif

Penutup:

Terdapat pelbagai usaha untuk memupuk perpaduan – memastikan masyarakat hidup aman dan makmur – semua pihak berperanan penting melindungi kesejahteraan negara

Soalan 2

Pendahuluan:

31 Ogos merupakan tarikh yang sangat bermakna – negara bebas daripada kuasa penjajah – sambutan Hari Kemerdekaan disambut

Isi-isi Penting:

- 1 Sambutan kemerdekaan diraikan di dalam dewan – semua guru dan murid terlibat – suasana yang sangat meriah
- 2 Semua guru dan murid menyanyikan lagu patriotik dengan penuh bersemangat – sebagai lambang kecintaan kepada negara tercinta
- 3 Persembahan daripada murid-murid – sketsa, sajak dan drama berkaitan kemerdekaan dipersembahkan – suasana semakin menarik
- 4 Laungan kemerdekaan oleh tuan pengetua – simbolik kepada laungan kemerdekaan oleh Perdana Menteri Pertama Malaysia – tanda cinta dan kesyukuran terhadap kemerdekaan yang telah dicapai

Penutup:

Sambutan Hari Kemerdekaan sangat penting untuk disambut – generasi muda tidak melupakan pengorbanan tokoh-tokoh terdahulu – semua pihak memainkan peranan penting dalam menyemai semangat patriotisme dalam kalangan murid-murid

Soalan 3

Pendahuluan:

Lima prinsip Rukun Negara merupakan asas pembentukan masyarakat – menjadi pegangan dan ikrar rakyat Malaysia – banyak faedah apabila menghayati prinsip-prinsip rukun negara

Isi-isi Penting:

- 1 Dapat memupuk semangat perpaduan kaum – Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum

yang berbilang bangsa – penghayatan kepada prinsip rukun negara dapat mengukuhkan perpaduan kaum

- 2 Melahirkan masyarakat yang mematuhi undang-undang – undang-undang ditetapkan bagi membendung masalah dan jenayah sosial – mewujudkan sebuah negara yang aman dan makmur
- 3 Membentuk masyarakat yang menghormati budaya dan warisan – masyarakat yang pelbagai terdiri daripada kepelbagaian adat resam, budaya dan warisan – menjadi tonggak kekuatan kepada bangsa dan negara
- 4 Membentuk masyarakat yang progresif – matlamat negara diwujudkan untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang – melahirkan rakyat yang progresif dan mampu meningkatkan sains dan teknologi

Penutup:

Penghayatan rukun negara mempunyai pelbagai kelebihan – rukun negara menjadi kunci kepada kesejahteraan negara dan perpaduan kaum – pelbagai pihak memainkan peranan dalam merealisasikan kelebihan rukun negara kepada generasi akan datang

TEMA 13

**EKONOMI, KEUSAHAWANAN
DAN PENGURUSAN
KEWANGAN**

KERTAS 1

BAHAGIAN B

- 1 (i) motorsikal – motosikal
(ii) selisa – selesa
- 2 (i) kebanyakan – kebanyakan
(ii) bukan – tidak
(iii) adalah – ialah
- 3 (i) Peniaga perlu sentiasa bersikap jujur terhadap pelanggan.
(ii) Produk yang dijual mestilah berkualiti tinggi.
(iii) Hadiah itu untuk pengusaha-pengusaha yang terbaik.
- 4 (i) Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.
(ii) Sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit.
- 5 (a) Berdasarkan Bahan 2, kes yang dibicarakan dalam mahkamah tersebut ialah tertuduh telah dikatakan makan sebiji pisang dan membuang kulitnya di

taman yang menyebabkan nenek sedang berjoging terpijak kulit pisang lalu tergelincir dan jatuh.

- (b) Berdasarkan Bahan 1, pengajaran yang diperolehi ialah kita haruslah menunaikan bertanggungjawab yang diberikan sebaiknya agar bermanfaat kepada orang lain. Contohnya, peguam bertanggungjawab atas segala tindakan dalam menjatuhkan hukuman, manakala pada Bahan 2, kita mestilah bercakap benar supaya kebenaran berpihak kepada kita. Contohnya Tertuduh 1 bercakap benar setelah diminta memberikan keterangan kepada Pendakwa raya.
- (c) Pada pendapat saya antara sebab perbicaraan di mahkamah selalunya mengambil masa yang lama kerana
- P1 – Untuk memberi peluang kepada tertuduh untuk membela diri sekiranya tidak bersalah.
- P2 – Peguam bela memerlukan masa untuk mendapatkan bukti.
- P3 – Kes yang melibatkan mahkamah sangat banyak.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Amalan menabung masih kurang mendapat sambutan daripada kalangan masyarakat di negara kita kerana kurangnya pendedahan kepada kepentingan amalan ini. Kepentingan menabung yang paling utama adalah sebagai simpanan kewangan untuk masa hadapan. Selain itu, amalan menabung juga dapat dijadikan sebagai bekalan wang untuk kegunaan kecemasan seperti waktu bencana alam, kemalangan dan masalah kesihatan. Bukan itu sahaja, amalan menabung juga dapat mengelakkan daripada amalan pembaziran lantas memupuk amalan berjimat cermat sekiranya berbelanja dan membuat pilihan mengikut keperluan dalam kehidupan. Sesungguhnya, ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting untuk mendidik anak-anak supaya menabung sejak dari kecil lagi.

TEMA 14 BERBUDI KEPADA ALAM

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- 1 D 2 A 3 B 4 C 5 C
6 C 7 A

BAHAGIAN C

Ringkasan: kebaikan-kebaikan melakukan aktiviti bercucuk tanam.

Isi-isi Tersurat:

- 1 Aktiviti bercucuk tanam dapat menjimatkan perbelanjaan seharian.
- 2 Aktiviti bercucuk tanam ini dapat menjimatkan kos.
- 3 Aktiviti ini sebagai lubang yang sedikit sebanyak boleh membantu dari segi menambah pendapatan keluarga.
- 4 Aktiviti bercucuk tanam dapat memenuhi masa lapang.
- 5 Boleh menyihatkan tubuh badan.
- 6 Mengeratkan hubungan kekeluargaan.

KERTAS 2

BAHAGIAN B

Soalan 1

Pendahuluan:

Sektor pertanian merupakan antara sektor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara – Malaysia kaya dengan hasil bumi – terdapat pelbagai faktor yang mendorong golongan muda tidak berminat dalam aktiviti pertanian

Isi-isi Penting:

- 1 Memerlukan pergerakan dan tenaga fizikal yang banyak – remaja hari ini gemar melakukan kerja yang menyenangkan – lebih berfokus kepada perniagaan secara dalam talian berbanding dalam bidang pertanian
- 2 Pulangan keuntungan yang tidak setimpal – mengerah kudrat untuk bekerja dalam bidang pertanian – kerja banyak namun pulangannya tidak seberapa
- 3 Aktiviti pertanian kurang dipromosikan – melibatkan diri dalam aktiviti yang mudah dan kurang agresif – kursus-kursus pertanian kurang mendapat sambutan
- 4 Kurangnya galakkan daripada keluarga –

bidang ini tidak mendatangkan keuntungan – tiada sokongan daripada ahli keluarga

Penutup:

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan golongan muda tidak berminat – pihak kerajaan berperanan penting menggalakkan dan mengadakan aktiviti pertanian – melahirkan masyarakat yang cintakan alam dan kehijauan

Soalan 2

Pendahuluan:

Datuk mempunyai sebuah kebun seluas 5 hektar – kebun sayur – pengalaman yang tidak dapat dilupakan

Isi-isi Penting:

- 1 Bangun awal pagi untuk mengikut datuk – kebun sayur yang sangat luas – terdapat pelbagai jenis sayur
- 2 Mencangkul tanah untuk membuat batas – menaburkan benih dan baja – dijaga dengan baik supaya subur
- 3 Memetik sayur yang sudah matang – mencabut rumput-rumput yang tumbuh – menjaga tanam-tanaman supaya tidak dimakan serangga perosak
- 4 Membantu nenek dan datuk berniaga di depan rumah – menyusun sayur-sayuran segar – ramai orang suka membeli kerana harga yang berpatutan

Penutup:

Berasa gembira dan seronok – banyak manfaat yang diperoleh apabila berbakti kepada tanah – pulang semula ke kampung untuk bercucuk tanam

Soalan 3

Pendahuluan:

Sektor pertanian merupakan antara sektor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara – Malaysia kaya dengan hasil bumi – terdapat pelbagai kepentingan sektor pertanian

Isi-isi Penting:

- 1 Menjana pendapatan yang lumayan – kaya dengan hasil bumi – dapat memanfaatkan sumber yang dimiliki – meningkatkan sektor pertanian dalam negara
- 2 Mewujudkan peluang pekerjaan – meningkatkan jurang pendapatan – menggalakkan masyarakat bekerja dalam

sektor ini – kerjaya yang baik

- 3 Menghasilkan bekalan makanan kepada negara – tidak bergantung kepada bekalan makanan import – kaya dengan hasil pertanian sendiri – memanfaatkan sumber pertanian dalam negara dengan baik
- 4 Mengeksport hasil ke luar negara – meningkatkan pendapatan eksport dan pendapatan negara – seperti buah durian, mangga, sawit dan getah

Penutup:

Pelbagai kepentingan sektor pertanian – memerlukan pentadbiran yang cekap – pihak kerajaan berperanan penting dalam menggalakkan pentajaan bagi sektor pertanian

TEMA 15 SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KERTAS 1

BAHAGIAN B

- 1 (i) kotoran – kotoran
(ii) anti bakteria – antibakteria
- 2 (i) kebanyakan – kebanyakan
(ii) tiap – tiap-tiap
- 3 (i) Ayat nyata
(ii) Ayat tanya
(iii) Ayat seruan
(iv) Ayat perintah
- 4 (i) Sediakan payung sebelum hujan.
(ii) Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.
- 5 (a) Tema bagi cerpen ini ialah kemajuan dalam bidang pertanian. Buktinya Alif mengusaha penanaman padi dengan berjaya milik arwah bapanya.
(b) Berdasarkan Bahan 1, kepentingan ilmu dalam kehidupan seharian manusia adalah untuk memahami dan menjiwai nilai sesuatu bidang, manakala pada Bahan 2 adalah untuk diwarisi oleh generasi akan datang.
(c) Pada pendapat saya antara langkah yang boleh dilakukan untuk menarik minat golongan muda melibatkan diri dalam sektor pertanian moden ialah
P1 – Pihak kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan perlu menyediakan suntikan modal

permulaan untuk golongan muda yang ingin menceburi bidang pertanian atau penternakan.

P2 – Ibu bapa sepatutnya menjadi suri teladan kepada anak dengan menghidupkan amalan bumi hijau supaya anak-anak minat terhadap pertanian.

P3 – Pihak sekolah perlu memberikan pendedahan awal dalam bidang pertanian supaya menarik minat murid-murid.

6 Tiga peristiwa berdasarkan tema setiap novel Jalan ke Puncak, karya Juri Durabi

- (a) Peristiwa Laiman bersungguh-sungguh untuk menayakan projek ikan air tawar dan udang harimaunya walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Oleh itu, kita mestilah bersungguh-sungguh dalam mencapai sesuatu hasrat.
- (b) Laiman tidak berkecil hati dengan sikap ayahnya yang menentang niatnya untuk berbakti kepada tanah kerana ayahnya lebih suka dia berkhidmat dalam sektor kerajaan. Justeru, kita mestilah bijak dalam membuat pilihan untuk masa depan.
- (c) Laiman tidak patah semangat apabila usahanya memujuk Pak Sahok menyerahkan tanah untuk melaksanakan projek penternakan lebah madu dan ikan air tawar menemui jalan buntu. Oleh itu, kita mestilah mempunyai cita-cita tinggi dalam kerjaya yang dikecapi.

Darah Titik di Semantan, karya Arman Sani

- (a) Peristiwa Datuk Bahaman tetap tidak menyerah kalah kepada pihak Inggeris walaupun gelaran Datuk yang dianugerahi sultan telah dilucutkan. Oleh itu, Kita haruslah mempunyai jati diri yang kental demi negara tercinta.
- (b) Peristiwa Zahid, Samad, Rahman dan Awang Muhammad bekerjasama membina kubu di Lubuk Sengarat bagi menghadapi serangan musuh. Justeru, Kita mestilah bekerjasama untuk menyelesaikan sesuatu masalah.
- (c) Peristiwa Datuk Panglima Raja menewaskan mata-mata Inggeris dengan menjamu mereka makan bubur ubi gadung yang beracun. Oleh itu kita mestilah bijak dalam tipu helah demi kebaikan bersama.

Meniti Impian, karya Osman Ayob

- (a) Peristiwa Zahar gigih melanjutkan pelajarannya ke IKM dalam jurusan Pertukangan Perabot setelah gagal memasuki tingkatan 6. Oleh itu, kita tidak boleh berputus asa apabila gagal dalam sesuatu perkara.
- (b) Peristiwa Zahar menjadikan penghinaan kekasihnya, Suhaili sebagai pembakar semangat untuk terus berjaya dalam bidang diminatnya. Justeru, Kita mestilah bijak menangkis segala masalah untuk lebih cemerlang.
- (c) Peristiwa Zahar melakukan perancangan yang rapi dan teliti dalam pembinaan bengkel perabotnya sehingga terbinanya Bengkel Perabot Meniti Impian. Oleh itu, Kita haruslah bersungguh-sungguh dan mempunyai perancangan dalam mencapai cita-cita yang dihajati.

Jejak Monpus, karya Zulaiha Paikon

- (a) Peristiwa Zahar gigih melakukan penyelidikan tentang serangga walaupun terpaksa meredah hutan belantara bagi mencari spesies baharu dan telah mendapat beberapa pengiktirafan. Oleh itu, kita mestilah gigih dalam sesuatu pekerjaan.
- (b) Peristiwa Zahar tidak patah semangat walaupun dia terjatuh ke dalam jurang. Justeru, kita mestilah sentiasa bermotivasi tinggi demi kejayaan berpanjangan.
- (c) Peristiwa Zahar sabar hadapi tuduhan yang dilakukan oleh Ripin terhadapnya kerana dendam lama dan kecekalannya telah menyebabkan dia menemui inovasi baharu dengan ciptaan MONPUS. Oleh itu, kita mestilah cekal dalam menghadapi pelbagai rintangan untuk berjaya suatu hari nanti.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Langkah utama dalam membuat tabung ialah kita perlu sediakan beberapa bahan utama seperti kertas pembalut hadiah, bekas makanan, pisau dan pita pekat yang boleh didapati dengan harga yang murah dan berpatutan. Seterusnya, potong pembalut hadiah dengan menggunakan pisau mengikut saiz ukuran yang sesuai dan

dikehendaki. Selepas selesai memotong pembalut hadiah itu tadi, cuba sesuaikan dengan saiz bekas untuk dibuat tabung. Jikalau ukurannya sudah betul, lekatkan kertas pembalut hadiah dengan pita pelekat. Lakarkan saiz lubang pada penutup bekas makanan untuk masukkan duit dengan menggunakan pisau dan potong untuk membuat lubang. Akhirnya, tabung telah siap dibuat dan sedia untuk digunakan pada masa akan datang.

TEMA 16 PELESTARIAN ALAM

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 D | 2 A | 3 D | 4 C | 5 C |
| 6 C | 7 B | 8 A | 9 A | 10 B |

BAHAGIAN C

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan kepentingan air kepada kehidupan seharian.

Isi-isi Tersurat:

- 1 Air ialah sumber minuman kerana tanpa air hidupan akan mati.
- 2 Tumbuhan pula bergantung kepada air hujan supaya dapat hidup dengan subur dan menjalankan fotosintesis.
- 3 Manusia juga menggunakan air untuk menjalani kehidupan seharian.
- 4 Air juga dapat membantu menyahtoksikkan badan dengan cara semula jadi.
- 5 Pengambilan air juga akan membekalkan nutrien yang mencukupi untuk tubuh badan.
- 6 Pengambilan air dapat menghindarkan diri daripada pelbagai penyakit.
- 7 Air juga adalah sumber yang penting kepada para petani untuk tanaman mereka.
- 8 Kilang-kilang juga sangat memerlukan air dalam penghasilan produk mereka.

Penutup:

Kesimpulannya, kita mestilah memulihara sumber air agar menjamin kelangsungan hidup.

KERTAS 2

BAHAGIAN B

Soalan 1

Pendahuluan:

Teknologi hijau merupakan aplikasi sains alam sekitar – teknologi rendah karbon dan mesra alam – banyak kepentingan yang tersendiri

Isi-isi Penting:

- 1 Mengatasi masalah kemusnahan alam sekitar – pembebasan gas rumah hijau yang rendah – mengurangkan pelepasan gas karbon ke udara – memulihara alam sekitar
- 2 Meningkatkan tahap kesihatan dan kehidupan – tidak terdedah kepada masalah pencemaran udara – memastikan udara yang dihirup adalah segar
- 3 Mengurangkan kebergantungan kepada tenaga yang tidak boleh diperbaharui – menjimatkan tenaga dan sumber asli – penggunaan kenderaan awam atau bahan api alternatif
- 4 Teknologi yang digunakan mesra alam – teknologi yang selamat digunakan – penggunaan enjin hibrid – menyediakan persekitaran yang sihat

Penutup:

Terdapat banyak kepentingan teknologi rumah hijau – memulihara persekitaran yang sihat – semua pihak bertanggungjawab dalam mengekalkan kelestarian ini

Soalan 2

Pendahuluan:

Kempen penanaman pokok bakau telah diadakan – sempena minggu cintai alam sekitar – berlangsung di kawasan sekolah

Isi-isi Penting:

- 1 Melibatkan semua pelajar dan guru-guru sekolah – pelbagai aktiviti yang bakal dijalankan – menanam pokok bakau, jualan dan kitar semula
- 2 Bertujuan untuk meningkatkan kesedaran – pentingnya menjaga kawasan litupan hijau dan hutan – kesejahteraan hidup manusia
- 3 Meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab pelajar – memulihara hutan bakau – supaya alam sekitar tidak mengalami pencemaran
- 4 Ucapan daripada pengetua – amanat supaya

menjaga alam sekitar – mewujudkan suasana persekitaran yang bersih dan ceria

Penutup:

Berharap program sebegini dapat diadakan lagi – meningkatkan kesedaran semua pihak – berperanan penting dalam memulihara alam sekitar

Soalan 3

Pendahuluan:

Pada cuti sekolah yang lalu – bercuti ke negeri Terengganu – melawat Pusat Pemeliharaan Penyu di Pulau Redang, Terengganu

Isi-isi Penting:

- 1 Ramai pengunjung yang hadir – sebuah pusat yang memelihara penyu dengan baik – dapat melihat dan bermain dengan penyu dengan lebih rapat
- 2 Diawasi oleh dua orang pemantau di pusat tersebut – menceritakan tentang habitat dan spesies penyu – musim penyu bertelur
- 3 Penyu sangat sensitif – berpeluang untuk menyentuh cengkerang penyu – ke dasar laut untuk bertelur – permukaan laut untuk cari makan
- 4 Terdapat beberapa ekor penyu yang tinggal – telur-telur penyu disimpan di tempat yang betul – memastikan habitat penyu tidak pupus

Penutup:

Semua pihak bertanggungjawab memelihara habitat penyu – salah satu habitat yang jarang dijumpai dan perlu dipelihara dengan baik – tidak pupus dan dapat didedahkan kepada generasi akan datang

TEMA 17 ERA BAHARU INDUSTRI

KERTAS 1

BAHAGIAN B

- 1 (i) pengetahuan – pengetahuan
(ii) prestasi – prestasi
- 2 (i) mengenengahkan – mengetengahkan
(ii) penggambaran – penggambaran
(iii) di – pada
- 3 (i) Mereka akan ke Pulau Redang hujung bulan ini.
(ii) Pak Kasim menjual hasil tanamannya di pasar pagi.

(iii) Adik Sarah sungguh cantik.

- 4 (i) Usaha tangga kejayaan.
(ii) Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih.
- 5 (a) Berdasarkan Bahan 2, tema sajak tersebut ialah sekalung penghargaan terhadap kedamaian dan kesejahteraan negara.
(b) Dua persoalan berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2 ialah, persoalan kebebasan daripada dibelenggu kejahilan. Contohnya dapat dilihat pembukaan Kota Makkah menunjukkan satu kejayaan keluar daripada melakukan perkara negatif. Selain itu, persoalan mempertahankan tanah air untuk generasi akan datang. Buktinya keamanan ini perlu dipertahankan daripada pelbagai anasir jahat.
(c) Pada pendapat saya, cara kita hendak mengekalkan keamanan negara ialah,
P1 – Kita perlu menyemai sikap patriotik dalam diri agar negara yang makmur dapat dibentuk.
P2 – Kita perlu saling menghormati antara satu sama lain agar keamanan dapat dikekalkan.
P3 – Kita perlu menjaga sensitiviti pelbagai kaum bagi memastikan rusuhan tidak akan berlaku.

6 Tiga nilai beserta peristiwa dalam novel

Jalan ke Puncak, karya Juri Durabi

- (a) Keberanian
Contohnya Laiman berani menjadi petani moden kerana berkeyakinan usahanya akan membuahkan kejayaan walaupun pada peringkat awal ditentang oleh ayahnya kerana menolak tawaran bekerja di Jabatan Pertanian.
- (b) Cinta akan negara
Contohnya Laiman sentiasa menyokong dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu rakyat dengan memilih untuk berdikari dan bekerja sendiri.
- (c) Kesyukuran
Contohnya Laiman bersyukur kerana projek ikan air tawar yang diusahakannya telah membuahkan hasil dan kerajaan menghargai usaha yang dijalankan dengan menjadikan sebagai projek contoh di daerah mereka.

Darah Titik di Semantan, karya Arman Sani

- (a) Pengorbanan
Datuk Bahaman dan para pengikutnya sanggup berkorban untuk membebaskan tanah air daripada belenggu penjajah Inggeris.
- (b) Keberanian
Datuk Bahaman berani menentang penjajah Inggeris walaupun tahu dirinya dalam keadaan terancam dan tindakan yang dilakukan oleh Datuk Bahaman ialah menyusun strategi perang terhadap Inggeris.
- (c) Kerjasama
Zahid, Samad, Rahman, dan Awang Muhammad bersama-sama membina kubu di Teluk Sengarat bagi menghadapi serangan Inggeris yang mencabar.

Meniti Impian, karya Osman Ayob

- (a) Ketabahan
Zahar sentiasa tabah menghadapi dugaan hidup dalam meneruskan cita-citanya walaupun dihipit kemiskinan.
- (b) Kesyukuran
Mak Kiah rasa syukur kerana Zahar berjaya melanjutkan pelajarannya di IKM dalam Kursus Pembuatan Perabot.
- (c) Kerajinan
Mak Kiah rajin menganyam tikar mengkuang selain mengambil upah menjahit pakaian untuk menambah pendapatan keluarga.

Jejak Monpus, karya Zulaiha Paikon

- (a) Keberanian
Zahar sanggup ke Pulau Pisang semula untuk mencari penawar bagi mengatasi penyakit gatal yang dialami oleh penduduk kampung setelah diserang ulat bulu berintik hitam walaupun hasratnya itu ditegah oleh ibu dan rakannya kerana keadaan di pulau itu berbahaya.
- (b) Bijaksana
Zahar tekun mengkaji dan menambah ilmu pengetahuan dalam minatnya terhadap serangga ulat bulu yang luar biasa.
- (c) Tanggungjawab
Zahar amat bersimpati terhadap nasib penduduk Kampung Maju Jaya dan berusaha mencari penawar kepada penyakit tersebut sehingga terhasilnya MONPUS.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Sektor pelancongan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara yang disebabkan beberapa faktor daya tarikan ke negara Malaysia. Faktor utama ialah pihak kerajaan perlu meningkatkan prasarana awam seperti sistem pengangkutan dan perhubungan untuk menjamin keselesaan pelancong. Seterusnya, tahap keselamatan yang baik dan terkawal merupakan antara faktor yang sangat penting menyebabkan para pelancong berasa selesa datang ke Malaysia. Tambahan pula, penganjuran acara peringkat antarabangsa yang diadakan dalam negara seperti Le Tour de Langkawi dan Pameran Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) telah meriah dan dapat menarik lebih ramai pelancong. Akhir sekali, Malaysia antara negara yang memelihara dan memulihara bangunan bersejarah yang dikatakan sangat unik untuk diceritakan kepada semua pelancong yang datang.

TEMA 18 PENTADBIRAN DAN POLITIK

KERTAS 1

BAHAGIAN A

1 D	2 A	3 A	4 C	5 D
6 C	7 C	8 B	9 C	10 C

BAHAGIAN C

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan kepentingan menjalinkan hubungan baik dengan negara luar.

Isi-isi Tersurat:

- 1 Menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.
- 2 Dapat mengembangkan potensi ekonomi negara.
- 3 Dapat membuka ruang perkongsian penyelidikan dan pendidikan.
- 4 Dapat menjaga ekonomi global.
- 5 dapat menarik lebih ramai pelancong luar untuk datang ke negara ini.
- 6 Dapat memudahkan bantuan jika berlaku krisis atau bencana alam.

Penutup:

Kesimpulannya, semua pihak perlu terus menjalinkan hubungan baik dengan negara luar agar hubungan diplomatik kekal kukuh demi kepentingan politik, ekonomi dan sosial negara.

KERTAS 2

BAHAGIAN B

Soalan 1

Pendahuluan:

Seorang pemimpin yang berwawasan mempunyai visi dan misi – mempunyai matlamat tersendiri – memiliki kemampuan berfikir yang kritis – terdapat pelbagai ciri-ciri pemimpin

Isi-isi Penting:

- 1 Mempunyai personaliti yang baik – imej merupakan satu perkara yang penting – menunjukkan keyakinan diri pemimpin
- 2 Mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi – dapat mengatur perancangan yang lebih efisien – mahir mengawal sesuatu situasi
- 3 Amanah dan bertanggungjawab melaksanakan tugas – memelihara kebajikan pekerja – menghormati pendapat dan pandangan – sentiasa memberi semangat
- 4 Mempunyai pegangan agama yang utuh – membolehkan manusia sentiasa hidup harmoni dan berdisiplin – mengurangkan masalah salah laku atau penyelewengan kuasa

Penutup:

Terdapat banyak ciri pemimpin yang berwawasan – membuat keputusan demi kepentingan organisasi – turut bergantung kepada seorang pemimpin itu mengendalikan sesuatu situasi – dapat menerapkan ciri-ciri pemimpin yang baik

Soalan 2

Pendahuluan:

Malaysia merupakan sebuah negara yang sering dikunjungi pelancong – kekayaan sumber alam semula jadi dan warisan budaya – terdapat banyak keistimewaan negara

Isi-isi Penting:

- 1 Kekayaan alam semula jadi – terletak di garisan Khatulistiwa – cuaca musim sejuk atau musim panas paling disukai – banyak taman-taman negara, hutan belantara, sungai, flora dan fauna
- 2 Dikelilingi pulau-pulau yang indah – kecantikan dan keindahan pulau serta laut – hidupan laut, terumbu karang dan pelbagai lagi
- 3 Kemudahan infrastruktur – sistem pengangkutan dan perhubungan yang baik – mempunyai penginapan yang bertaraf dunia

– capaian Internet yang baik

- 4 Kekayaan budaya dan sejarah – terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum – artifak-artifak dan bahan bersejarah disimpan di muzium

Penutup:

Banyak keistimewaan yang mendorong pelancong datang – pelbagai aktiviti dan tempat menarik boleh dilawati – pihak kerajaan berperanan penting dalam menggalakkan sektor pelancongan dalam negara – masyarakat bersatu dalam menunjukkan adat dan budaya

Soalan 3

Pendahuluan:

Satu kursus kepimpinan telah diadakan – di sebuah hotel – melibatkan barisan pengawas-pengawas sekolah – selama tiga hari dua malam

Isi-isi Penting:

- 1 Hari pertama – pendaftaran – taklimat kursus berlangsung pada belah petang – slot pengenalan berlangsung pada belah malam – dibahagikan mengikut kumpulan
- 2 Hari kedua – dimulakan dengan aktiviti zumba – aktiviti sebelah petang berkaitan kepimpinan
- 3 Aktiviti sebelah malam lebih kepada sesi kerohanian – ceramah motivasi telah diberikan – semua peserta terlibat
- 4 Hari terakhir – latihan dalam kumpulan – daftar keluar selepas makan tengah hari – bertolak balik ke sekolah

Penutup:

Pengalaman yang tidak dapat dilupakan – ilmu kepimpinan dipelajari – dapat diadakan lagi pada masa akan datang

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA)

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1 C | 2 B | 3 A | 4 D | 5 D |
| 6 B | 7 B | 8 C | 9 D | 10 C |
| 11 A | 12 D | 13 B | 14 C | 15 A |

BAHAGIAN B

- 1 (i) restoren – restoran
(ii) Char kueh tiaw – Char kuetiau
(iii) Resepi – Resipi

- 2 (i) galakkan – galakan
(ii) dimanfaat – dimanfaatkan
(iii) di – dalam
- 3 (i) Ayat Seruan
(ii) Ayat Tanya
- 4 (i) Bagai pinang dibelah dua.
(ii) Bagai cincin dengan permata.
- 5 (a) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, kepentingan mempertahankan negara ialah, kita dapat mengekalkan kemerdekaan negara untuk generasi akan datang. Selain itu, kita dapat mengekalkan perpaduan kaum agar hidup dalam aman damai.
(b) Dua nilai yang terdapat dalam Bahan 2 ialah bersatu hati. Hal ini dapat dibuktikan melalui penganjuran Hari Kebangsaan Negara yang terdiri daripada pelbagai kaum. Selain itu, hormat-menghormati. Buktinya masyarakat majmuk saling menghormati bagi mengekalkan kemerdekaan negara.
(c) Pada pendapat saya, kesan jika kita tidak menitikberatkan keamanan dan kesejahteraan dalam negara ialah
P1 – Negara akan menjadi huru-hara kerana perpecahan kaum berlaku.
P2 – Pelabur dari luar negara akan lari kerana kestabilan politik tergugat.
P3 – Ekonomi rakyat atau masyarakat akan terjejas disebabkan kesempitan hidup.

6 Tiga contoh perwatakan watak utama

Jalan ke Puncak, karya Juri Durabi

- (a) Laiman seorang yang tabah menghadapi cabaran hidup. Buktinya, Laiman tabah menghadapi segala rintangan terutamanya daripada keluarga yang tidak bersetuju dia bekerja sendiri.
- (b) Laiman seorang yang mempunyai semangat cinta akan negara. Buktinya, Laiman sentiasa menyokong dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu rakyat untuk berdikari.
- (c) Laiman seorang yang berani menceburi bidang pertanian. Buktinya Laiman berani mengambil risiko untuk mengusahakan ladang tembikai dan menternak ikan air tawar serta udang harimau.

Darah Titik di Semantan, karya Arman Sani

- (a) Datuk Bahaman seorang yang berani. Buktinya, beliau banyak menerima ugutan daripada Inggeris sehingga dilucutkan jawatan sebagai Orang Kaya Semantan.
- (b) Datuk Bahaman seorang yang bijak. Buktinya beliau sangat bijak menyusun strategi untuk menumpaskan Inggeris di Lubuk Senggarat dengan menggunakan rantai besi yang diikat pada pangkal pokok jambu air di seberang sungai.
- (c) Datuk Bahaman seorang yang berpegang pada janji. Buktinya, beliau tidak membenarkan Datuk Panglima dan pengikutnya mengamuk apabila pembelot dalam kalangan askar sultan menembak Awang Muhamad, namun Datuk Bahaman masih setia pada janjinya tidak melepaskan tembakan ke arah askar sultan.

Meniti Impian, karya Osman Ayob

- (a) Zahar seorang yang berdikari. Contohnya, Zahar sedar bahawa dia tidak boleh selama-lamanya bergantung pada perniagaan dan nama Pak Yusuf. Beliau harus berdikari dan berusaha mengembangkan pasaran perabotnya ke Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Kota Bharu.
- (b) Zahar seorang yang bercita-cita tinggi dalam mencapai kejayaan. Buktinya Zahar melanjutkan pengajiannya ke IKM setelah tamat persekolahan dan berjaya menubuhkan Bengkel Perabot Meniti Impian miliknya sendiri.
- (c) Zahar seorang yang rajin melakukan sesuatu pekerjaan. Contohnya, Zahar rajin bekerja sejak setahun lalu di bengkel Pak Yusuf dengan membuat perabot tempahan daripada penduduk kampung dan jiran-jiran.

Jejak Monpus, karya Zulaiha Paikon

- (a) Zahar mempunyai minat yang sangat mendalam terhadap serangga sejak kecil. Contohnya, Zahar mempunyai bilik khas untuk menyimpan dan menjalankan

ekperimen terhadap serangga seperti ulat beluncas dan kumbang. Beliau banyak meluangkan habiskan masa berbual-bual dan memerhati serangga-serangga kesayangannya.

- (b) Zahar seorang yang gigih dalam mendapatkan sesuatu. Buktinya, Dia gigih dan tabah menjalankan penyelidikan sains berkaitan dengan kehidupan serangga.
- (c) Zahar seorang yang penyayang. Contohnya, beliau sangat menyayangi ibunya, Qistina dan sanggup bergaduh dengan Ripin kerana berkata buruk tentang ibunya.

BAHAGIAN C

Pendahuluan:

Rumusan: Halangan dalam membudayakan amalan hijau dalam kalangan masyarakat.

Isi-isi Tersurat:

- 1 Tahap kesedaran masyarakat masih rendah.
- 2 Aktiviti pembangunan yang berleluasa dengan meneroka hutan telah menyebabkan alam musnah.
- 3 Kurangnya sambutan terhadap kempen alam sekitar.
- 4 Murid-murid tidak mendapat pengetahuan awal di peringkat sekolah.
- 5 Tidak wujud jalinan kerjasama antara pihak kerajaan dengan agensi swasta.

Penutup:

Kesimpulannya, kita mestilah mempraktikkan amalan hijau dalam kehidupan supaya menjamin kesihatan diri dan persekitaran.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Guru merupakan seorang insan yang sanggup berkorban demi masa depan kita. Antara cara menghargai jasa guru ialah kita perlu sentiasa berbudi bahasa apabila berkomunikasi dengan guru terutamanya. Tambahan pula, kita perlu belajar bersungguh-sungguh kerana pengorbanan guru dalam mendidik anak didik tanpa mengenal erti penat lelah. Bukan itu sahaja, kita juga mestilah sentiasa berdisiplin dan mematuhi peraturan ketika berada di sekolah supaya dapat melahirkan

insan yang bersahsiah baik. Oleh itu, sebagai tanda ingatan, kita seharusnya menziarahi guru-guru sekiranya telah tamat zaman persekolahan. Langkah-langkah ini sebagai cara untuk kita menghargai semua jasa dan pengorbanan seorang guru.

BAHAGIAN B

Soalan 1

Pendahuluan:

Buli merupakan salah satu perbuatan mendera atau mempermainkan orang yang lemah – kes buli semakin meningkat di sekolah – terdapat banyak faktor yang mendorong kes buli berlaku

Isi-isi Penting:

- 1 Pengaruh televisyen dan media massa – ingin menunjukkan kekuatan diri kerana pengaruh drama dan filem KL Gangster dan lain-lain – tidak sepatutnya dipertontonkan
- 2 Kurang belaian kasih sayang – remaja memerlukan perhatian dan suka memberontak – kesibukan ibu bapa bekerja – mencari perhatian keluarga dengan melakukan aktiviti buli
- 3 Kurangnya penghayatan nilai-nilai agama – tidak mengenal mana perkara yang baik dan buruk – menganiaya rakan-rakan sesuka hati – bersikap kejam, memeras ugut, menghina dan memukul
- 4 Pengaruh rakan sebaya – darah muda berani mencuba sesuatu yang baharu – terikut-ikut perbuatan kawan – pengawasan yang longgar di sekolah

Penutup:

Terdapat banyak faktor mendorong berlakunya kes buli – semua pihak memainkan peranan penting dalam mengurangkan kes buli – golongan muda bakal pelapis kepimpinan negara – melahirkan satu suasana yang harmoni dalam masyarakat

Soalan 2

Pendahuluan:

Aku terus menjerit ke arah mereka – menyuruh mereka untuk berhenti – tidak diendahkan – seorang pelajar sedang dibuli

Isi-isi Penting:

- 1 Aku menghampiri mereka – bertanya hal yang sebenar – dihalang oleh pembuli untuk

menyatakan perkara yang benar

- 2 Kelibat seorang guru – menjerit memanggil guru berkenaan – pembuli melarikan diri – guru tersebut menghampiri kami
- 3 Guru bertanya hal yang sebenar berlaku – pelajar tersebut dalam keadaan trauma – sering dibuli fizikal dan peras ugut
- 4 Sejak sebulan yang lalu lagi – membawa mangsa buli ke bilik rehat untuk ditenangkan – guru membuat laporan kepada guru disiplin

Penutup:

Kes buli sangat serius di sekolah – ramai mangsa sudah terjebak – pembuli-pembuli tersebut telah dipanggil oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid untuk tindakan lanjut – dapat berhati-hati dan menghentikan kes buli

Soalan 3

Pendahuluan:

Buli gejala yang meninggalkan kesan buruk kepada mangsa – kes buli dalam kalangan pelajar semakin meningkat – banyak langkah untuk menangani kes buli

Isi-isi Penting:

- 1 Memupuk sikap toleransi dan hormat-menghormati – memupuk nilai-nilai murni dalam diri pelajar – persekitaran yang baik untuk menangani kes buli
- 2 Menyediakan saluran aduan – mangsa sering berdiam diri kerana bimbang – membuat laporan terus kepada guru bertanggungjawab
- 3 Menjadi contoh teladan terbaik – ibu bapa sering sibuk dengan kerja – kurangnya kasih sayang – bersikap memberontak dan membuli untuk meraih perhatian
- 4 Mendidik ilmu keagamaan dan moral – setiap agama dan kepercayaan menuntuk untuk berbuat baik – dapat menghayati nilai-nilai positif untuk masa depan

Penutup:

Terdapat banyak langkah untuk menangani kes buli – generasi muda merupakan modal insan yang bakal memimpin negara – semua pihak berganding bahu menangani kes ini

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK (UASA)

KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1 A | 2 C | 3 C | 4 D | 5 B |
| 6 A | 7 D | 8 B | 9 A | 10 C |
| 11 A | 12 B | 13 C | 14 D | 15 A |

BAHAGIAN B

- 1 (i) June – Jun
(ii) Demostrasi – Demonstrasi
- 2 (i) Perlaksanaan – Pelaksanaan
(ii) ialah – adalah
(iii) cepat - segera
- 3 (i) Dzulfikal suka makan nasi di warung.
Dzulfikal suka makan bihun sup di warung.
(ii) Rumah banglo besar itu.
Rumah Surya.
(iii) Ibu memarahi adik.
Adik bermain di tepi longkang.
- 4 (i) Usaha tangga kejayaan.
(ii) Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih.
(iii) Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
- 5 (a) Berdasarkan Bahan 1, perkara yang dilakukan oleh Nana terhadap insan yang tersayang ialah menelefon mak dan bertanya khabar, manakala dalam Bahan 2 ialah penulis bercakap dengan sopan dan lemah lembut ketika bertutur dengan ibu bapa.
(b) Dua pengajaran yang terdapat dalam Bahan 2 ialah, kita mestilah hargai jasa dan pengorbanan ibu bapa supaya hidup sentiasa diberkati. Selain itu, kita mestilah menjaga tutur kata dengan baik terhadap ibu bapa agar tidak terguris hati mereka.
(c) Antara manfaat sekiranya anak-anak menghormati ibu bapa pada setiap masa ialah,
P1 – Hidup kita akan berasa tenang kerana tiada perbalahan antara ibu bapa.
P2 – Ikatan kekeluargaan bertambah kukuh kerana sikap hormat-menghormati diterapkan ketika makan atau bersenam.

P3 – Kita akan sentiasa disegani oleh masyarakat kerana memiliki sifat positif menghormati ibu bapa ini.

6 Tiga latar tempat berserta peristiwa

Jalan ke Puncak, karya Juri Durabi

(a) Bandar Miri

Contohnya Laiman dan Soniah menghabiskan cuti hujung minggu dengan bersiar-siar di bandar Miri. Mereka berbincang tentang rancangan masa depan Soniah yang ingin melanjutkan pelajaran dalam jurusan kejuruteraan.

(b) Kebun tembikai

Contohnya tempat Laiman dan Milan mengusahakan ladang seluas 15 ekar dan mereka berasa bangga apabila usaha yang dilakukan sejak dua bulan lalu telah mengeluarkan hasil.

(c) Kampung Kusilad

Contohnya Kampung Kusilad merupakan tempat tinggal Laiman dan tempat dia melakukan aktiviti pertanian dan perikanan sehingga berjaya menjadi usahawan tani.

Darah Titik di Semantan, karya Arman Sani

(a) Lubuk Terua

Contohnya peristiwa Syres selalu datang ke Lubuk Terua dengan tujuan untuk mencari rahsia tentang Datuk Bahaman.

(b) Rumah Datuk Bahaman

Contohnya peristiwa Zahid, Samad, Awang Muhammad, Pak Long Abas, dan Datuk Panglima Raja berbincang dengan Datuk Bahaman tentang kubu yang sedang dibina di Lubuk Sengarat.

(c) Darat Kelubi

Contohnya peristiwa Mat Kilau datang untuk menemui Datuk Bahaman sambil membawa satu salinan surat pengampunan yang telah ditandatangani oleh Sultan Ahmad.

Meniti Impian, karya Osman Ayob

(a) Bengkel perabot Pak Yusuf

Selepas berhenti sekolah Zahar bekerja di bengkel perabot Pak Yusuf bagi membantu keluarganya.

(b) Padang

Ramli mengajak Zahar menyertai latihan bola sepak di padang kerana mereka kekurangan pemain.

(c) IKM Sungai Petani

Contohnya tempat Zahar mendaftar dan berkursus Pertukangan Perabot dan bertemu dengan Norimi yang mengikuti kursus Lukisan Seni Bina.

Jejak Monpus, karya Zulaiha Paikon

(a) Tanjung Piai

Buktinya semasa Zahar dan rakan-rakannya mencari spesies baharu ulat bulu. Tempat tersebut merupakan dataran berlumpur dan kawasan paya hutan bakau yang sekian lama menjadi tempat persinggahan pelbagai spesies burung pantai dan burung air yang berhijrah mencari makan.

(b) Makmal Zahar

Contohnya tempat Zahar membuat uji kaji berkaitan spesies ulat bulu yang ditemuinya dan di tempat itu juga dia banyak meluangkan masa bersama-sama Fikri.

(c) Warung kopi Pak Mail

Contohnya tempat penduduk Kampung Maju Jaya berkumpul pada setiap pagi untuk membincangkan masalah berkaitan serangan ulat bulu. Di tempat itu juga berlakunya pertelingkahan antara Ripin dengan Zahar sehingga Zahar cedera, kemudian dimasukkan ke Hospital Pontian.

BAHAGIAN C

Ringkasan: kepentingan menyertai kawad kaki dalam kalangan murid

Isi-isi Tersurat:

- 1 Mampu mewujudkan disiplin diri yang mantap.
- 2 Meningkatkan kepekaan terhadap hukuman dan arahan.
- 3 Dapat meningkatkan semangat kerjasama berpasukan antara murid.
- 4 Meningkatkan daya kecergasan dan kekemasan pergerakan dalam kumpulan.
- 5 Melahirkan sikap patuh dan hormat kepada orang yang lebih kanan.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) telah dilaksanakan di setiap sekolah sama ada menengah mahupun rendah di seluruh Malaysia. Program ini banyak mendatangkan manfaat kepada murid-murid. Antara manfaat program NILAM ialah murid-murid dapat memupuk minat membaca secara berterusan sehingga amalan tersebut kekal menjadi tabiat. Bahan yang dibaca oleh murid akan direkodkan dalam buku NILAM yang disediakan oleh Pusat Sumber Sekolah. Tambahan pula, murid-murid dapat memperluas pengetahuan tentang sesuatu perkara sekiranya membaca pelbagai jenis buku. Hal ini bertepatan dengan peribahasa membaca jambatan ilmu.

BAHAGIAN B

Soalan 1

Pendahuluan:

Perniagaan dalam talian – merupakan satu mekanisme baru dalam urusan niaga – meningkat dari hari ke hari – mendatangkan banyak manfaat – terdapat beberapa ciri perniagaan dalam talian yang diidamkan

Isi-isi Penting:

- 1 Tawaran diskaun yang berpatutan – menggalakkan pembelian – tawaran diskaun mengikut ketetapan – contohnya potongan harga dan pemberian barangan percuma
- 2 Memudahkan perbandingan harga – mempunyai jenama tersendiri – melihat kepada kualiti barang – mampu berbelanja
- 3 Mempunyai unsur multimedia interaktif – unsur pemujukan dalam iklan – gabungan teks, audio, grafik dan animasi
- 4 Pengurusan yang sistematik – memudahkan pelanggan – penerimaan tempahan, penghantaran yang efisien

Penutup:

Dunia perniagaan mencabar – bergantung untung atau rugi – berani ambil risiko – semua pihak bekerjasama – membawa perubahan dari segi produk yang dikeluarkan – bekerjasama untuk menggerakkan ekonomi negara

Soalan 2

Pendahuluan:

Aku sedang membuat kerja sekolahku. Tiba-tiba aku mendapat pesanan ringkas berkaitan penghantaran barang elektronik melalui aplikasi dalam talian. Sepantas kilat aku – ke pintu rumah – mendapatkan barang daripada penghantar

Isi-isi Penting:

- 1 Barang yang dibeli cepat sampai – bungkusannya yang cantik – mempengaruhi aku sewaktu buat pilihan
- 2 Bungkusannya luar sangat cantik – setelah dibuka banyak yang rosak – tidak salahkan siapa-siapa – hati yang tenang buat laporan
- 3 Maklum balas yang cepat daripada syarikat – buat pilihan sama ada wang dikembalikan atau diganti barang baru
- 4 Perniagaan dalam talian sangat mesra – barang rosak tanpa resit – buat laporan – tindakan terus diambil – tidak seperti dahulu perlu bawa resit – tidak boleh ditukar dengan wang

Penutup:

Beberapa hari barang baru sampai – syukur lebih selamat – syarikat memberi barangan percuma – kualiti penyediaan barang yang sangat baik – pembelian dalam talian sangat membela seseorang – peroleh sesuatu barang dengan penuh kualiti

Soalan 3

Pendahuluan:

Pada era globalisasi ini – kecanggihan teknologi mengubah – cara masyarakat untuk menjalani perniagaan – sehingga peringkat global – pelbagai kelebihan perniagaan dalam talian

Isi-isi Penting:

- 1 Membuka pasaran global – barang dapat dieksport – keuntungan yang banyak
- 2 Mengurangkan tenaga kerja – penjimatan tenaga kerja manusia – masa lebih fleksibel
- 3 Tiada halangan untuk menjalankan perniagaan – boleh dilaksanakan di mana-mana sahaja – tidak bergantung kepada ketua
- 4 Memaksimumkan keuntungan – jualan tidak melibatkan banyak pihak – keuntungan tidak perlu diagihkan – perniagaan dan barang sendiri

- 5 Pengurusan yang sistematik – tempahan daripada pembeli – maklumat dijana oleh sistem – memudahkan urusan penghantaran.

Penutup:

Perniagaan dalam talian mendatangkan pelbagai kebaikan – mengambil ruang dan peluang –

untuk menceburi bidang perniagaan dalam talian terutamanya – menjadi trend dalam kalangan masyarakat – peranan pelbagai pihak – membantu dalam kembangkan sektor ini – ekonomi rakyat dan negara akan bertambah – mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan masyarakat